Untuk Siaran Serta-Merta

PEMENANG PERADUAN 'SAYA SUKA RUMAH SAYA' NIPPON PAINT TERIMA HADIAH BERNILAI LEBIH RM60,000

Peraduan menerusi Facebook dan Blog terima beratus-ratus penyertaan dalam sebulan

Subang Jaya, 23 Ogos 2011 – Nippon Paint, jenama cat yang terkenal di Malaysia, telah mengumumkan pemenang peraduan 'I Like My Home' (Saya Suka Rumah Saya) dengan memberikan hadiah pengubahsuaian cat dan pelbagai hadiah hebat yang lain menjelang musim perayaan Hari Raya Aidil Fitri.

Slogannya, Saya suka Nippon Paint kerana – *'warnanya yang menarik menceriakan hari, ciri kelebihannya yang hebat melindungi rumahku dan kualitinya yang sentiasa menyenangkan hati'* telah melayakkan Salihah Nadiah Mohd Noh, 26 tahun, memenangi hadiah utama pakej mengubah wajah rumah bernilai RM15,000. Di samping itu, 10 hadiah sagu hati berupa pakej mengecat bernilai RM2,000 setiap satu jatuh kepada Sarah Shafawati binti Saadun, Alvin Chia Oon Wah, Sumarni Binti Abu Bakar, Mas Azila Mat Salleh, Foo Siang Jiau, Ong Cia Wei, Nur Mazliyana Bt Zainuddin, Roslizawani Abdullah, Narizan Bt Saleh dan Nani Rahayu Binti Noordin. Seramai 100 lagi pengundi Facebook yang bertuah menerima edisi terhad mainan lembut Nippon Paint Blobby setinggi 2 kaki.

Ong Cia Wei menulis slogan yang menggunakan nama 'Nippon'. Katanya, dia suka Nippon Paint kerana - *'Inspirasi Tidak Henti 365 hari, Perlindungan Hebat 24 jam, warna tidak berbau dan mesra alam untuk rumahku syurgaku'*.

Merakamkan keceriaan bersama koleksi mainan lembut termasuk Nippon Paint Blobby, Foo Siang Jiau menjelaskan bahawa dia suka Nippon Paint kerana – *'Ia menyinari hidupku dengan seribu satu warna yang mampu dimiliki dan mengembalikan warna dalam hidupku'*.

"Kempen 'Saya Suka' ('I Like') mencungkil pelbagai sebab pengguna suka Nippon Paint, dengan beribu-ribu warna dan fungsi cat kami yang berlainan mengikut keperluan. Peraduan ini adalah juga cara kami memberi ganjaran kepada pengguna setia kami di atas sokongan dan keyakinan mereka terhadap Nippon Paint," jelas Ketua Pemasaran Nippon Paint (Malaysia) Sdn Bhd, Encik Jason Thong.

Pemenang hadiah utama, Salihah Noh, yang sedang mengandung anak kedua, begitu gembira kerana kemenangan ini tepat pada masanya. "Saya mahu menyediakan sebuah bilik untuk bayi tetapi saya belum dapat melakukannya," kata Salihah. Bila ditanya warna yang diingini, dia cepat menjawab, "Sudah tentulah merah jambu!".

"Sebagai jenama cat nombor satu di Malaysia, Nippon Paint teruja kerana dapat membantu rakyat Malaysia memiliki rumah impian mereka," tambah Thong.

Peraduan "I Like My Home" Nippon Paint berlangsung dari 15 Mei hingga 15 Jun 2011 dan sebanyak 218 penyertaan telah diterima melalui laman Facebook 'Saya Suka Rumah Saya' Nippon Paint, www.facebook.com/nipponpaintblobbies. Peserta dikehendaki muat naik gambar rumah mereka bersama mereka dalam gambar, lengkapkan slogan dan dapatkan sebanyak mungkin undian untuk penyertaan mereka dari 25 Jun hingga 10 Julai 2011. Hampir 9,000 pengundi menghantar undi mereka untuk peraduan ini, dengan lebih 7,000 undi dalam satu penyertaan.

Menyedari pentingnya ruang untuk rangkaian sosial dan pengaruh penulis blog, satu peraduan sampingan telah dianjurkan khusus untuk komuniti penulis blog tempatan. Sebanyak 70 penyertaan penulis blog telah diterima dan hadiah pertama berupa pakej mengecat rumah bernilai RM5,000 telah dimenangi oleh Muhammad Falihin bin Jasmi. Blognya yang menunjukkan kuasa warna dan transformasi yang ingin dilihat di rumahnya sendiri telah menarik perhatian Nippon Paint. Hadiah kedua berupa pakej mengecat rumah bernilai RM3,000 dan hadiah ketiga pakej bernilai RM2,000 masing-masing jatuh kepada Wee Yin San dan Lee Hui Yen. Selain itu, 50 finalis blog juga menerima edisi terhad mainan lembut Nippon Paint Blobby setinggi 2 kaki.

Mengenai Nippon Paint Malaysia

Ditubuhkan pada tahun 1967, Nippon Paint Malaysia Sdn Bhd (NPM) mengeluarkan cat dan cat lapisan asas untuk kegunaan rumah dan perindustrian. Setakat ini, NPM mempunyai tiga kilang pengeluaran di Malaysia. Satu daripadanya terletak di Shah Alam, sebuah di Johor Bahru dan sebuah lagi di Kota Kinabalu. NPM kini mengeluarkan lebih 10,000 rumusan cat yang berlainan untuk pasaran hiasan dan seni bina, automotif, perindustrian, lapisan perlindungan dan kapal penangkap ikan. Nippon Paint telah menerima Anugerah Kecemerlangan Hijau yang berprestij daripada Frost & Sullivan sebagai pengiktirafan kepada pencapaiannya dalam usaha memperjuangkan kelestarian alam sekitar dalam industri cat.

~ Tamat ~

Dikeluarkan oleh : Nippon Paint (Malaysia) Sdn Bhd
Menerusi : Kim Chew Communications Sdn Bhd
Jacqueline Arnold / Chong Huey Meim
Tel: 03 - 7726 3430
Faks: 03 - 7728 3432